



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENGARAH PENERANGAN (*SUPERSCALE C*)
JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENGARAH PENERANGAN
JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI
SUPERSCALE C (\$6,800 EB KHAS \$7,010 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Communications* / Kewartawanan / Media Massa / Pengajian Brunei / *Politics* / *Political Science* / Sastera atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Penerangan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Timbalan Pengarah Penerangan atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus "**Program Pembangunan Eksekutif**" di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan.
 3. Berkebolehan dalam pengurusan dan pentadbiran Jabatan.
 4. Berkepimpinan dalam mengendalikan media.
 5. Berpengetahuan yang meluas mengenai isu-isu dan berita semasa dari dalam dan luar negara.
 6. Berpengetahuan mengenai penggunaan dan pengendalian media sosial dan media baharu terutama sekali *internet culture*, *web* dan *marketing analytics*.



7. Berkebolehan dalam merangka bagi perkara-perkara berikut:
 - Perancangan Strategik;
 - *Foresighting*;
 - *Horizon Scanning*; dan
 - Pengurusan Krisis.
8. Berkemahiran dan berpengetahuan dalam merancang program-program jangkauan masyarakat untuk mendukung mesej-mesej Kerajaan.
9. Kefahaman dan berpengetahuan dalam merangka strategi menangani isu-isu *negative* seperti maklumat palsu dan viral.
10. Mampu menjalinkan hubungan dengan pelbagai pihak yang mempunyai kepentingan seperti golongan akar umbi, rakan media strategik dan hubungan dengan agensi media dan rakan kongsi serantau.
11. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Merancang dan melaksanakan tugas pengurusan dan pentadbiran Jabatan Penerangan;
2. Melaksanakan penyebaran maklumat dan pemberian pendidikan melalui kerja-kerja penerangan;
3. Memantau segala kegiatan-kegiatan penerangan dan media agar tidak menjejaskan imej dan kewibawaan Kerajaan;
4. Memastikan agar perpaduan di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini terus meningkat melalui pendekatan rangkaian kerja Jabatan Penerangan iaitu saluran pelbagai komunikasi termasuk memanfaatkan rangkai teknologi maklumat dan komunikasi; dan
5. Memastikan hubungan erat di kalangan agensi-agensi Kerajaan berada dalam keadaan yang baik dan sempurna melalui pemantauan perhubungan awam di mana Jabatan ini dijadikan salah satu teraju pengurusannya.